



**SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG TUN RAZAK,
BUKIT KATIL, 75450 MELAKA
(MBA2047)**



LEMBARAN KERJA BAHASA MELAYU TAHUN 4

KEMAHIRAN MEMBACA

**DISEDIAKAN OLEH,
PANITIA BAHASA MELAYU SK KAMPUNG TUN RAZAK
DENGAN BIMBINGAN : PN. HJH. FADHILAH BINTI EMBI (SISC+ BM)**

TEMA 3 : KESELAMATAN
UNIT 8 : HARGAI DIRI
TAJUK : BAHAYA PENYAKIT RABIES

STANDARD KANDUNGAN

2.2 Membaca, memahami dan menaakul bahan multimedia.

STANDARD PEMBELAJARAN

2.2.1 Membaca dan memahami bahan grafik daripada multimedia untuk membuat gambaran.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN



Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:
Membaca dan meneliti bahan grafik untuk membuat lima gambaran tentang perkara tersebut menggunakan peta pokok yang disediakan dengan betul.

PANDUAN IBU BAPA

1. Bimbing anak membaca dan memahami teks dengan kaedah bacaan mentalis dan mekanis.
2. Ibu bapa dan anak berbincang tentang idea utama dan idea sampingan yang terdapat dalam teks.
3. Membimbing anak mengenal pasti idea utama dan idea sampingan yang terdapat dalam setiap perenggan.
4. Ibu bapa membimbing anak melengkapkan **Aktiviti 1** dan **Aktiviti 2** yang disediakan serta **Aktiviti Pengayaan** sebagai tambahan.
5. Selesai tugas, ibu bapa menyemak jawapan tugas anak berdasarkan skema jawapan yang disediakan.

PANDUAN MURID

1. Murid membaca petikan dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 muka surat 52 secara mentalis dan mekanis.
2. Murid mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dalam setiap perenggan.
3. Murid melengkapkan **Aktiviti 1** dan **Aktiviti 2** yang disediakan serta **Aktiviti Pengayaan** sebagai tambahan.
4. Selesai tugas, minta ibu bapa atau ahli keluarga untuk menyemak jawapan.

TEKS BACAAN


Membaca

Bahaya Penyakit Rabies

Persatuan Kelab Doktor Muda SK Seri Pertiwi mengundang pegawai kesihatan ke sekolah untuk memberikan ceramah.

Murid-murid, jika terdapat anjing liar berkeluaran di kawasan tempat tinggal kamu, laporkannya kepada pihak berkuasa tempatan.




- Rabies merebak melalui gigitan haiwan.
- Pesakit hanya menunjukkan tanda-tanda selepas 20 hingga 60 hari terkena gigitan haiwan.
- 40% daripada mangsa kes rabies merupakan kanak-kanak.

PENCEGAHAN RABIES

- Jangan mendekati anjing liar untuk mengurangkan risiko digigit, terutamanya kanak-kanak.
- Anjing peliharaan perlu diberi suntikan vaksin antirabies.
- Dapatkan rawatan segera di klinik kesihatan atau hospital terdekat jika mengalami gigitan anjing liar.
- Basuh gigitan anjing liar dengan air yang bersih.

Sumber: <http://www.majhealth.gov.my/>





AKTIVITI 1

ARAHAN : Berdasarkan maklumat yang dibaca , murid diminta mengenalpasti maklumat menggunakan Peta I-Think yang disediakan.



AKTIVITI 2

ARAHAN : Berdasarkan maklumat yang dibaca , murid diminta meneliti bahan grafik dan melengkapkan maklumat pada ruangan jawapan yang diberikan.

basuh gigitan anjing liar

tanda-tanda

gigitan haiwan

rawatan segera di klinik atau hospital

20 hingga 60 hari

mendekati anjing liar

anjing peliharaan

kanak-kanak

Penyakit Rabies merebak melalui _____. Pesakit akan menunjukkan _____ selepas _____ terkena gigitan haiwan. 40% daripada mangsa kes rabies dalam kalangan _____. Terdapat beberapa langkah pencegahan iaitu jangan _____ untuk mengurangkan risiko digigit. Selain itu, _____ perlu diberikan vaksin antirabies. Seterusnya, jika mengalami gigitan anjing liar segera dapatkan _____. Akhirnya, _____ dengan air bersih. Kesimpulannya, kita disarankan mengambil langkah-langkah segera sekiranya terkena gigitan anjing liar.

PENGAYAAN

ARAHAN : Legkapkan Peta Buih berikut dengan jawapan yang betul.

